

27/12/1998

Manfaatkan nikmat kurniaan Allah

KEAMANAN, kemakmuran dan kesejahteraan adalah nikmat kurniaan Allah yang sangat bernilai kepada makhluk-Nya. Di Malaysia, kita terus diberikan nikmat kehidupan sehingga dapat menunaikan segala tugas serta pelbagai tanggungjawab dalam suasana tenang. Walaupun ekonomi Malaysia masih diselubungi kegawatan, kita tetap dikurniakan kemewahan dan rezeki.

Negara pula tidak ditimpa mala petaka dahsyat manakala rakyat tidak pernah diperangi mahupun berlaku pertumpahan darah sesama sendiri. Sewajarnya umat Islam di Malaysia tunduk setiap masa memohon syukur kepada-Nya dan tidak mensiakan segala nikmat yang diberikan ketika saudara Islam di tempat lain menghadapi bermacam-macam bentuk kepayahan hidup. Kita yakin anugerah nikmat itu juga tanda dan bukti bahawa ikhtiar kita diredai, membolehkan kita meletakkan Malaysia dan Islam pada tempat yang lebih dihormati.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin mahu umat Islam membuktikan kesyukuran itu dengan meningkatkan usaha dan menggunakan akal fikiran kurniaan Allah tanpa menyerahkan segala-galanya kepada takdir. Kita akui, dengan bersyukur kepada-Nya, ia bukan saja meningkat keimanan dan takwa, sebaliknya sentiasa memperingati, menginsafi, menilai dan menghitung keadaan yang berlaku di sekeliling agar kita dapat memperkuat azam berkerja kuat pada masa hadapan. Namun, walaupun pelbagai kenikmatan yang diterima, umat Islam di Malaysia sebenarnya masih jauh daripada sampai ke matlamat yang diperlukan bagi mempertahankan agama, bangsa dan tanah air. Justeru, untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara, ikhtiar dan usaha lebih gigih perlu dilaksanakan oleh semua.

Dengan apa yang ada, kita tidak harus berasakan sudah cukup dan berpeluk tubuh berserah diri kepada Ilahi. Tidak bermakna disebabkan apa yang berlaku tetap akan berlaku, apa diperlukan sudah diperoleh, kita mengetepikan segala usaha menggandakan ikhtiar itu.

Sesungguhnya, sebagai umat Islam yang teguh kepada ajaran agama, tiada unsur lebih mulia dikurniakan kepada manusia selain kemampuan untuk berikhtiar. Dengan menggunakan minda yang sentiasa dibantu pancaindera serta disokong tenaga fizikalnya, umat Islam boleh mengatur pelbagai rancangan demi memperbaiki mutu kehidupan diri, keluarga, agama dan bangsa.

Islam selalu memperingatkan umatnya bahawa dalam menghadapi persaingan hidup di dunia, mereka seharusnya sanggup bersaing dan bekerja keras dengan orang lain. Segala kebaikan yang dikurniakan Allah untuk manusia seharusnya direbut dan dimanfaatkan sebaik-baiknya. Kemajuan ilmu pengetahuan dan kemantapan intelektual manusia sering ditegaskan oleh Islam sebagai satu kriteria kekuatan ummah. Lantaran itu, dalam perlumbaan hidup walaupun sesuatu yang lumrah bagi manusia, Islam mahu pengikutnya sentiasa berada di hadapan dan menjadi umat yang pertama mencapai sesuatu yang terbaik.

Matlamat murni rakyat dan pemimpin Islam kita ialah menjadikan Malaysia benar-benar negara bebas, berdaulat dan menjadi contoh negara Islam lain. Sehubungan itu, kita melihat penjajahan tidak tamat hanya kerana umat Islam di Malaysia dapat memerintah negara sendiri.

Sebaliknya, jika umat Islam Malaysia lemah dan tidak mempunyai ilmu dan kecekapan tertentu, kita masih terdedah kepada penjajahan yang tidak banyak berbeza dengan penjajahan sebelum merdeka. Lantas, kita memerlukan

kekuatan ekonomi dan menguasai semua bidang pengetahuan dan kemahiran moden. Pengetahuan dalam semua bentuk ilmu sangat penting bagi memelihara diri kita.

Janganlah kita larang penguasaan apa juga cabang ilmu ini oleh muda mudi Islam asalkan mereka tetap berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar. Jika kita malas dan akhirnya gagal menguasainya, kita tidak boleh menyalahkan takdir. Sebaliknya, kerana kita sendiri tidak mengamalkan ajaran Islam yang mahu pengikutnya tidak berputus asa dan tidak malas.

Nasihat Perdana Menteri itu juga secara tidak langsung meminta umat Islam menolak pandangan sempit terhadap betapa pentingnya ilmu dan mengumpul kekayaan bagi menolong kita memelihara maruah agama. Lantas, saranan antikemajuan oleh golongan tertentu yang beranggapan umat Islam yang miskin lebih kukuh iman mereka kerana tidak mementingkan kebendaan, mesti ditolak.

Kita tidak boleh terpengaruh pandangan golongan ini yang mengajak umat Islam kembali kepada keadaan Islam 1400 dulu. Menguasai kebendaan sebenarnya adalah cara untuk mewujudkan kekuatan umat yang sekali gus dapat memberi kehebatan dan kekuatan yang boleh menimbulkan rasa gerun, gementar dan dihormati oleh musuh Islam.

(END)